

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[FURTHER DISCUSSION ON THE CONCEPT AND THE APPROACH OF  
 MODERN ISLAMIC LITERATURE]**

**KUPASAN LANJUT TERHADAP KONSEP DAN PERANAN PENDEKATAN  
 SASTERA ISLAM MODEN**

ABDUL HAKIM ABDULLAH<sup>1\*</sup>  
 MOHD TAUFIQ ABD. TALIB<sup>1</sup>  
 AZHAR YAACOB<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
 Kampus Gong Badak, Terengganu.

\*Corresponding author: [hakimabd@unisza.edu.my](mailto:hakimabd@unisza.edu.my)

Received Date: 7 Januari 2015 • Accepted Date: 9 Januari 2015

**Abstract**

*The purpose of this paper is to give additional explanation on the concept of Islamic literature and its fundamental elements according to the article “Pendekatan Sastera Islam Moden (The Approach of Modern Islamic Literature)” by Rosni Samah and Nurhasma Muhamad Saad, in Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari volume 5, July 2012. This is to give further explanation on the concept, roles, origin of the theory, and the key elements of the Islamic literature definition. To achieve this purpose, their article was analyzed by focusing on the relationship between Islamic literature and religion, roles, origin of the theory and the key elements of the Islamic literature definition. This study found that based on aqidah, Islamic literature is a beautiful expression of arts which can admire the hearts produced by a Muslim resulting from his interpretation about life, human being and the universe following the principles of tasawur Islam (Islamic world view). Islamic literature serves as a media of da’wah for the good in this life and hereafter in line with the principles of Islam itself. The development of Islamic literature started from an idea proposed by the late Sayyid Qutb in 1952. The development on this idea should be known by Islamic literature practitioners so they will understand that the establishment of Islamic literature theory actually derived from Islamic resurgence in the 20th century on the name of Muslim brotherhood. The two key elements of Islamic literature are aesthetic values and Islamic values. The combination of aesthetic and ethics then can lead to the perfect meeting between the beauty of arts and the truth of God.*

*Keywords: Islamic literature, tasawur Islam, media of da’wah, arts, aesthetic.*

**Abstrak**

Kertas ini bertujuan membuat kupasan lanjut tentang konsep sastera Islam dan elemen-elemen penting yang berkaitan berdasarkan artikel “Pendekatan Sastera Islam Moden” oleh Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari keluaran 5, Julai

2012. Ia bagi memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan konsep, peranan, punca cetusan teori dan inti pati definisi sastera Islam. Bagi mencapai tujuan tersebut, artikel yang berkenaan telah dianalisis dengan menumpukan kepada hubungan sastera Islam dengan agama, peranan, punca cetusan teori sastera Islam dan inti pati penting dalam definisi sastera Islam. Kajian ini mendapati bahawa dengan berpaksikan aqidah, sastera Islam adalah luahan seni yang indah, dapat menawan kalbu, terhasil daripada seseorang mukmin serta merupakan terjemahan tentang kehidupan, insan dan alam semesta berasaskan tasawur Islam. Sastera Islam berperanan sebagai wadah dakwah untuk kebaikan duniawi dan ukhrawi yang sejajar dengan prinsip-prinsip Islam itu sendiri. Perkembangannya bermula dengan cetusan idea yang dikemukakan oleh al-marhum Sayyid Qutb pada tahun 1952. Kronologi perkembangan idea sastera Islam perlu diketahui oleh para pejuang sastera Islam agar mereka memahami bahawa teori seni sastera Islam terbentuk adalah hasil daripada kebangkitan Islam pada abad ke-20 yang digembleng di atas dasar ukhawah Islamiyah. Terdapat dua elemen utama dalam sastera Islam iaitu nilai estetika dan nilai keislaman. Kombinasi elemen estetika dan etika inilah yang membawa kepada pertemuan yang begitu sempurna antara keindahan seni dan kebenaran Ilahi.

**Kata kunci:** sastera Islam, tasawur Islam, media dakwah, kesenian, estetika.

**Cite as:** Abdul Hakim Abdullah, Mohd Taufiq Abd. Talib & Azhar Yaacob. 2015. Kupasan lanjut terhadap Konsep dan Peranan Pendekatan Sastera Islam Moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9(1): 133-140.

## PENGENALAN

Kertas ini ingin membuat penambahan terhadap penulisan Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad yang berkaitan dengan teori sastera Islam menerusi artikel mereka berjudul “Pendekatan Sastera Islam Moden” dalam jurnal ini keluaran 5 Julai 2012. Para penggiat dan pengkaji seni sastera Islam perlu memanfaatkan artikel tersebut atau penulisan-penulisan seumpamanya supaya kita dapat memperkasakan kefahaman di samping menjadikannya sebagai wadah dakwah yang berkesan. Penghasilan karya-karya sastera Islam boleh menjadi satu penyumbang alternatif kepada para peminat sastera, penulis drama, penyiaran dan sebagainya. Berikut akan dibicarakan mengenai hubungan sastera dan agama, peranan, cetusan idea penggubalan teori sastera Islam sehingga tercipta beberapa definisi, rasional, ciri-ciri dan konsep-konsep yang berkaitan dengan sastera Islam.

## SASTERA DAN AGAMA

Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad (2012: 67) dalam penulisannya telah menegaskan bahawa sastera “mempunyai hubungan yang rapat dan kuat dengan akidah”. Kenyataan ini memperjelaskan bahawa Islam tidak menolak sastera malah ia boleh dimanfaatkan untuk memperkukuhkan aqidah. Sastera yang ditolak oleh Islam ialah sastera yang bertentangan dengan prinsip-prinsip aqidah. Sebab itulah kita dapati kedatangan Islam tidak menafikan kepentingan sastera malah ia memperkenalkan istilah-istilah baru dalam kesusasteraan Arab yang belum pernah dikenali sebelumnya seperti iman, Islam, jannah, *yawmu al-akhir*, solat, takwa dan sebagainya (Shawqi Dayf, 1981:8). Justeru, lahirlah sasterawan-sasterawan Islam

yang ulung di zaman Rasulullah SAW seperti Hasan ibn Thabit, Abdullah ibn Rawahah, Ka'ab ibn Zuhayr dan Ka'ab ibn Malik.

Sastera adalah satu seni dan seni itu indah. Seni sastera Islam merupakan ungkapan-ungkapan indah yang menggambarkan pertemuan yang begitu sempurna antara keindahan dan kebenaran. Kenyataan Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad di atas selaras dengan pandangan 'Imad al-Din Khalil (1988: 118) yang menyatakan bahawa keindahan menurut Islam berkait rapat dengan keimanan kerana dengan menyedari keindahan ini, manusia akan mengiktiraf betapa besar dan berkuasa Allah SWT Yang Maha Pencipta. Perkara ini turut ditegaskan oleh Ali al-Qadi (1986: 115) bahawa kesenian dalam Islam tidak sesekali memisahkan antara keindahan dan keimanan kerana kesenian itu harus timbul berasaskan aqidah Islamiyyah dan falsafahnya mestilah sejajar dengan prinsip-prinsip Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, sastera mestilah digunakan oleh umat Islam sebagai wadah untuk kebaikan duniawi dan ukhrawi tidak seperti pandangan kebanyakan sastera moden yang memisahkan antara agama dan kesenian.

## **PERANAN SASTERA ISLAM**

Dalam penulisan mereka, Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad (2012: 67) turut membicarakan tentang peranan sastera Islam khususnya menerusi seni syair. Mereka mengenal pasti empat tujuan penggunaan sastera mengikut peredaran masa. Pada peringkat awal perkembangan Islam, sasterawan Islam telah menjadikan sastera sebagai senjata untuk menangkis tohmahan musuh dan mempertahankan kesucian aqidah. Ia juga dijadikan sebagai sumber inspirasi bagi membangkitkan semangat perjuangan dalam kalangan umat Islam. Apabila Islam mula bertapak dengan mantap, sastera telah dijadikan sebagai satu media dakwah bagi menyampaikan mesej akhlak dan pendidikan. Seterusnya, ia dijadikan satu lapangan kreativiti untuk menonjolkan kehebatan agama Islam kepada umum.

Peranan sastera Islam yang dikemukakan itu memperlihatkan bahawa kedatangan Islam telah membawa satu era transformasi dan membuka lembaran baru dalam sejarah kesusasteraan Arab. Perubahan-perubahan yang ketara dalam kesusasteraan Arab dapat dilihat menerusi tujuan karya sastera, topik, gaya bahasa dan sebagainya. Sastera mula digunakan bukan hanya untuk penjonolan seni kreativiti bahasa tetapi juga sebagai lapangan bagi mempertahankan kesucian agama Islam serta mendidik, membimbing dan menyeru masyarakat kepada ajarannya. Perkara ini menepati pandangan para sarjana sastera Islam (lihat Abdul Hakim Abdullah, 2012: 24; Nasir ibn Abd al-Rahman al-Khanin, 1987: 11; Muhammad Hasan al-Barayghish, 1985: 127; Muhammad Adil al-Hashimi, 1987: 32; Muhammad Ibn Sa'ad 1984: 11) yang menyatakan bahawa sastera Islam harus berperanan untuk memperbetulkan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam sistem nilai hidup serta membimbing manusia ke arah jalan yang benar sesuai dengan statusnya sebagai hamba dan khalifah-Nya di muka bumi ini.

## **TEORI SASTERA ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA**

Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad (2012: 71) menerangkan bahawa “sastera Islam moden merupakan arus mazhab sastera yang muncul hasil daripada kebangkitan pergerakan Islam”. Mereka turut menyatakan bahawa “tokoh pelopor dalam bidang ini ialah Sayyid Qutb yang merupakan seorang sarjana Arab pertama yang mengemukakan pandangan tentang teori sastera Islam. Kemunculan penulisannya itu memberi kesan positif kepada perkembangan teori sastera Islam”. Kenyataan ini ialah fakta yang tidak dapat disangkal memandangkan ramai tokoh pemikir gerakan al-Ikhwan al-Muslimun telah memberikan komitmen yang tinggi dalam penggubalan serta pengembangan teori sastera Islam, bermula daripada cetusan idea sehinggalah terasasnya definisi, konsep, rasional dan prinsip-prinsip sastera Islam.

Idea sastera Islam sebagai satu bidang kajian ilmiah secara spesifik dicetuskan pada pertengahan abad ke-20 apabila seorang pendakwah dan pengkritik sastera yang terkenal iaitu almarhum Sayyid Qutb melontarkan cadangan merealisasikan sastera Islam sebagai satu bidang kajian ilmiah. Beliau banyak menulis artikel-artikel yang berkaitan dengan hasratnya tadi di halaman sastera dalam akhbar al-Ikhwan al-Muslimin pada tahun 1952. Selain itu, beliau juga menyeru para sasterawan supaya menjalankan usaha islamisasi sastera serta melibatkan diri secara aktif untuk merealisasikan sastera Islam (Salih Adam Baylu, 1985: 8).

Dalam bukunya „Al-Naqd al-Adab wa Manahijuh“ pula, Sayyid Qutb (1973: 9) menyeru para sasterawan supaya menggembeng usaha untuk mencari satu definisi yang sesuai bagi sastera Islam sebagai titik permulaan menjadikan sastera Islam satu bidang kajian ilmiah. Definisi yang syumul dan lengkap perlu digubal bagi menjayakan usaha ini. Walaupun sastera Islam telah wujud sejak awal kedatangan Islam, namun demikian satu definisi yang lengkap masih belum digubal secara ilmiah, komprehensif dan menepati tuntutan semasa. Menurut beliau, sasterawan sebelum ini lebih menumpukan kepada penghasilan sastera Islam itu sendiri dan tidak kepada penggubalan konsepnya secara ilmiah.

Seruan Sayyid Qutb itu kemudiannya telah disahut oleh saudaranya Almarhum Muhammad Qutb menerusi penulisan buku berjudul „Manhaj al-Fann al-Islamiyy“ pada tahun 1961. Dalam karya ini, Muhammad Qutb banyak membicarakan tentang cabang-cabang seni Islam termasuk sastera Islam dengan menjadikan tasawur Islam sebagai asas utama. Buku ini telah memberi keyakinan dan dorongan kepada para sasterawan Islam untuk menjayakan usaha merealisasikan sastera Islam sebagai satu bidang kajian ilmiah.

Selain Muhammad Qutb, seorang lagi yang turut menyahut seruan Sayyid Qutb ialah Najib al-Kilani. Beliau merupakan seorang tokoh sasterawan dan pengkritik sastera. Kupasan-kupasan secara ilmiah telah dilakukannya menerusi beberapa buku beliau seperti „Al-Islamiyyah wa al-Madhahib al-Adabiyyah“ (1963), „Afaq al-Adab al-Islamiyy“ (1984), „Rihlati Maca al-Adab al-Islamiyy“ (1985) dan „Madkhal al-Adab al-Islamiyy“ (1988).

Sejurus itu, ramai sasterawan dan pengkritik sastera mula mengkaji dan menghasilkan penulisan-penulisan yang mengupas konsep sastera Islam di antaranya ialah „Al-Islam wa al-Shi'r“ (Yahya Habburi, 1964), „Al-Dirasat fi al-Adab al-Islamiyy“ (Shami Maki al-'Afi, 1968), „Al-Adab al-Islamiyy: Qadiyyah wa Bina“ (al-Sayyid Ahmad Khalil, 1983), „Al-Iltizam al-Islamiyy fi al-Adab“ (Muhammad ibn Sacad, 1984), „Min Qadaya al-Adab al-cArabiyy“ (Salih Adam Baylu, 1985), „Al-Adab al-Islamiyy al-Mu'asir“ (Muhammad Hasan al-Barayghish, 1985), „Nahwu Nazariyyat al-Adab al-Islamiyy“ (Muhammad Ahmad Hamdun, 1986), „Fi al-Adab al-Islamiyy: Tajarub wa Mawaqif“ (Muhammad cAdil al-Hashimi, 1987), „Al-Iltizam al-

Islamiyy fi al-Shi'r"(Nasir ibn cAbd al-Rahman al-Khanin, 1987), „Al-Adab al-Islamiyy: Insaniyyatuh wa cAlamiyyatuh" (cAdnan cAli Rida al-Nahwi, 1987), „Madkhal Ila Nazariyyat al-Adab al-Islamiyy" (Imad al-Din Khalil, 1987), „Al-Malamih al-Ammah li Nazariyyat al-Adab al-Islamiyy" (Shaltagh Abud, 1992), „Qadaya Adabiyyah: Ru"yah Islamiyyah" (Abd al-Basit Badr, 1996) dan lain-lain lagi.

Cetusan idea sastera Islam mula mendapat perhatian bukan sahaja sekitar dunia Arab tetapi juga ke seluruh pelusuk dunia Islam termasuklah di Malaysia. Beberapa orang sasterawan Malaysia telah menghasilkan buku yang dikaitkan dengan sastera dan Islam seperti „Kesusasteraan dan Etika Islam" (Shahnon Ahmad, 1981), „Sastera Islam di Malaysia" (Mana Sikana 1983), „Sastera dan Agama" (Ismail Hussein [pnyt.], 1986) dan „Polemik Sastera Islam" (Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad, 1987).

Seminar-seminar juga telah diadakan bagi membincang dan mengupas konsep sastera Islam dengan lebih terperinci. Pada 19 April 1981, Seminar Kesusasteraan Islam telah dianjurkan di bawah inisiatif Sheikh Abu al-Hasan cAli al-Nadawi di Darul Ulum, Lucknow, India. Perbahasan tentang sastera Islam diteruskan lagi dengan terlaksananya Seminar Kesusasteraan Islam ke-2 pada tahun 1983 di Universiti Islam Madinah manakala seminar berikutnya diadakan pada tahun 1984 di Universiti al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud, Riyadh. Menurut Najib al-Kilani (1985: 6), fokus utama perbincangan-perbincangan yang diadakan semasa seminar tersebut ialah berkisar tentang penggubalan satu definisi sastera Islam yang menyeluruh dan lengkap, konsep, matlamat, tujuan, ciri-ciri, peranan dan perbezaannya dengan aliran-aliran sastera lain yang wujud pada masa kini.

## DEFINISI SASTERA ISLAM

Sastera Islam merupakan kombinasi antara dua perkataan iaitu "sastera" dan "Islam". Sastera dalam bahasa Arab dinamakan "adab". Dalam al-Qamus al-Muhit (Fayruz Abadi, 1987: 75) perkataan "adab" bererti penggerak atau pendorong. Manakala dalam Lisan al-Arab (Ibn al-Manzur t.th.: 206) ia didefinisikan sebagai sesuatu yang membentuk adab seseorang, ia dinamakan adab kerana perihalnya yang mendorong seseorang kepada sifat-sifat terpuji dan menjauhkannya daripada sifat-sifat tercela. Menurut Gibb et. al. (1960), perkataan "adab" hanya digunakan untuk maksud sastera selepas kesusasteraan Arab menempuh zaman moden.

Dari segi istilah pula, menurut Sayyid Qutb (1983:9), sastera merupakan suatu perluhan yang mempunyai ciri-ciri keindahan hasil daripada penelitian intuisi. Hasan Shadhli Farhud (1975: 6) menyatakan bahawa sastera bermaksud perluhan-perluhan indah yang memiliki nilai-nilai estetika yang tinggi serta dapat mempengaruhi kalbu yang terhasil daripada naluri seseorang. Manakala Sayyid Ahmad al-Hashimi (1969: 1) berpendapat bahawa dalam konteks masa kini, sastera Islam bermaksud satu ilmu yang merangkumi seni-seni penulisan sajak atau prosa. Ia merupakan perluhan-perluhan yang dihasilkan secara halus dan amanah tentang perihal kehidupan masyarakat manusia berdasarkan pemerhatian naluri.

Apabila perkataan sastera disandarkan kepada Islam, maka sudah tentu skop sastera menjadi lebih khusus dan kombinasi dua perkataan ini membawa kepada satu maksud baharu. Beberapa pengkaji sastera Islam telah mengemukakan definisi sastera Islam dan didapati kebanyakan definisi yang diberikan tidak jauh bezanya di antara satu sama lain. Menurut Salih Adam Baylu (1985: 57), dalam menentukan definisi yang lengkap, para pengkaji sastera Islam

telah menjadikan definisi Muhammad Qutb terhadap seni Islam sebagai asas. Muhammad Qutb (1987: 37) dalam bukunya „Manhaj al-Fann al-Islamiyy“ telah mendefinisikan seni Islam sebagai suatu luahan yang indah tentang alam semesta, kehidupan dan insan berasaskan tasawur Islam terhadap kewujudan ini.

‘Imad al-Din Khalil (1987: 69) pula mendefinisikan sastera Islam sebagai suatu luahan seni yang indah serta dapat menawan kalbu menerusi perkataan-perkataan berdasarkan tasawur Islam terhadap kewujudan ini. Manakala Muhammad ‘Adil al-Hashimi (1987: 37) mendefinisikan sastera Islam sebagai suatu luahan indah tentang hakikat alam semesta, kehidupan, insan, nilai, teladan dan matlamat berdasarkan tasawur Islam. Najib al-Kilani (1986: 36) pula memberikan definisi yang lebih terperinci di mana beliau merumuskan bahawa sastera Islam bermaksud luahan seni yang indah, dapat menawan kalbu, terhasil daripada seseorang mukmin dan merupakan terjemahan tentang kehidupan, insan dan alam semesta berpaksikan asas-asas aqidah Islamiyyah.

Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad (2012: 72) telah merumuskan setelah menelusuri pelbagai definisi sastera Islam yang dikemukakan oleh para sarjana Muslim sebagaimana tulisan mereka: “secara keseluruhannya, definisi sastera Islam yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana tersebut adalah berteraskan dua perkara utama iaitu ungkapan yang indah dan gambaran atau perspektif Islam tentang alam, kehidupan dan manusia”.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan keterangan-keterangan di atas, terdapat dua elemen utama dalam sastera Islam. Pertamanya ialah nilai estetika di mana nilai ini turut wujud dalam mana-mana seni sastera kerana ungkapan-ungkapan yang tiada nilai estetikanya tidak akan diiktiraf sebagai hasil seni sastera. Keduanya ialah keislaman di mana ia menggambarkan bahawa sastera Islam mestilah berpaksikan tasawur Islam tentang kewujudan ini. ‘Abd al-Basit Badr (1996: 36) menegaskan bahawa sumber yang mesti dijadikan rujukan bagi menguasai tasawur Islam ialah al-Qur’an dan al-Sunnah. Elemen kedua inilah yang membezakannya daripada seni sastera yang lain. Kombinasi elemen estetika dan etika inilah yang membawa kepada pertemuan yang sempurna antara keindahan seni dan kebenaran Ilahi. Secara langsung ia mengisyaratkan bahawa sesiapa sahaja yang ingin menerokai dan berkecimpung dalam sastera Islam maka beliau mestilah mahir dalam penghasilan luahan yang mempunyai nilai kesenian yang tinggi dan juga perlu memahami asas-asas agama Islam dan tasawur Islam terhadap kehidupan, manusia dan alam sekalian.

Cuma definisi Najib al-Kilani tadi menambah satu lagi elemen utama dalam definisi sastera Islam iaitu sasterawan yang beriman kepada Allah SWT. Secara jelas ia menegaskan bahawa hasil seni sastera yang membicarakan tentang kehidupan, insan dan alam semesta, walaupun menepati tasawur Islam, ia tidak dikira sebagai nukilan seni sastera Islam sekiranya ia dihasilkan oleh individu atau kumpulan bukan Islam.

## **PENUTUP**

Penulisan Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad menerusi “Pendekatan Sastera Islam Moden” telah memperjelaskan konsep, peranan, pencetus teori dan inti pati asas definisi sastera Islam. Sastera Islam menggabungkan nilai estetika dan keislaman untuk menjadi satu media dakwah bagi menyeru masyarakat ke arah kebenaran dan kejayaan. Berpaksikan aqidah, sastera Islam cuba menggarap luahan seni yang indah dengan membicarakan tentang kehidupan, insan

dan alam semesta berasaskan tasawur Islam. Mudah-mudahan, tulisan ini dapat memberikan kefahaman yang jelas tentang konsep sastera Islam serta perkara-perkara penting yang berkaitan dengannya. Sejarah perkembangan teori sastera Islam juga perlu diketahui supaya kita dapat menghargai jasa dan mencontohi usaha para pendokongnya. Para penggiat seni sastera Muslim haruslah memperbanyakkan hasil seni sastera Islam bagi dijadikan wadah dakwah yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat.

## RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdullah, 2012. From the Idea of Islamic Literature by Sayyid Qutb to the Concept, Rationale and Features of Islamic Literature. *Business and Social Sciences Review*, 1 (7-8): 23-29.
- al-'Afi Shami Maki. 1968. *al-Dirasat fi al-Adab al-Islamiyy*. Baghdad: Matba'ah al-Ma'arif.
- 'Abd al-Basit Badr. 1996. *Qadaya Adabiyyah: Ru'yah Islamiyyah*. Riyadh: Maktabah al-„Abikan.
- Ali al-Qadi. 1986. *al-Fann fi al-Mafhum al-Islamiyy. al-Wa'yu al-Islamiyy*, Disember: 115-120.
- Al-Fayruz Abadi. 1987. *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Gibb, H. A. R. et al. (pnyt.). 1960. *The Encyclopaedia of Islam*. Vol. 1. New edition. Leiden: EJ Brill.
- Hasan Shadhli Farhud. 1975. *al-Naqd al-Adabiyy: Nususuh wa Tarikhuh*. Riyadh: al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sucudiyyah.
- al-Hashimi Muhammad 'Adil. 1987. *Fi al-Adab al-Islamiyy: Tajarub wa Mawaqif*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Hashimi Sayyid Ahmad. 1969. *Jawahir al-Adab fi Adabiyyat wa Insha' Lughat al-Arab*. Vol. 2. Beirut: Mu'assasah al-Ma'arif.
- Ibn Manzur. t.th. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Sadir.
- Imad al-Din Khalil. 1987. *Madkhal ila Nazariyyat al-adab al-Islamiyy*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Khanin Nasir ibn 'Abd al-Rahman. 1987. *al-Iltizam al-Islamiyy fi al-Shi'r*. Riyadh: Dar al-Asalah li al-Thaqafah wa al-Nashr wa al-I'lam.
- al-Kilani, Najib. 1984. *Afaq al-Adab al-Islamiyy*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- \_\_\_\_\_. 1985. *Rihlati maca al-Adab al-Islamiyy*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- \_\_\_\_\_. 1988. *Madkhal ila al-Adab al-Islamiyy.. Qatar: Matabi' al-Hadithah*.
- Muhammad Ahmad Hamdun. 1986. *Nahwu Nazariyyat al-Adab al-Islamiyy*. Jeddah: Dar al-Manhal.
- Muhammad Hasan al-Barayghish. 1985. *Fi al-Adab al-Islamiyy al-Mu'asir: Dirasah wa Tatbiqah*. Al-Zarqa': Maktabah al-Manarah.
- Muhammad ibn Sa'ad. 1984. *al-Iltizam al-Islamiyy fi al-Adab'*. Riyadh: (tanpa penerbit)
- Muhammad Qutb. 1981. *Manhaj al-Fann al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- al-Nahwi Adnan Ali Rida. 1987. *al-Adab al-Islamiyy, Insaniyyatuh wa 'Alamiyyatuh*. Riyadh: Dar al-Nahwi li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Rosni Samah dan Nurhasma Muhamad Saad. 2012. Pendekatan Sastera Islam Moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 5 (Julai): 65-75.
- Salih Adam Baylu. 1985. *Min Qadaya al-Adab al-Arabiyy*. Jeddah: Dar al-Manarah.
- al-Sayyid Ahmad Khalil. 1983. *Al-Adab al-Islamiyy. Qadiyyah wa bina'*. Jeddah: 'Alam al-Ma'rifah.
- Sayyid Qutb. 1973. *al-Naqd al-Adabiyy: Usuluh wa Manahijuh*. Beirut: Dar al-Shuruq.

- Shaltagh ‘Abud. 1992. al- Malamih al-‘Ammah li Nazariyyat al-Adab al-Islamiyy. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Shawqi Dayf. 1981. al-Tatawwur wa al-Tajdid fi al-Shi’r al-Umawiyy. Kaherah: Dar al-Ma’arif.